



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

3,000 PENGUNJUNG HADIRI PROGRAM KOMUNITI @STATS BERSAMA KOMUNITI MUKIM MERBOK, KEDAH DI MASJID AL BUSYRA, MERBOK

SUNGAI PETANI, KEDAH, 4 NOVEMBER 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Kedah dengan kerjasama Masjid Al-Busyra telah menganjurkan program Komuniti @Stats Bersama Komuniti Mukim Merbok, Kedah bersempena dengan Sambutan Hari Statistik Negara yang disambut pada 20 Oktober setiap tahun dengan tema Statistik Nadi Kehidupan di samping mempromosikan Banci Pertanian yang akan dilaksanakan pada tahun 2024. Seramai 3,000 pengunjung telah menghadiri program ini yang terdiri daripada komuniti Mukim Merbok di sekitar kariah Masjid Al Busyra, wakil-wakil agensi kerajaan Daerah Kuala Muda dan pengunjung masjid pada hari ini.

Program yang julung kalinya dianjurkan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia. Majlis perasmian turut dihadiri Puan Nadia Marzuki, Pengarah Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Kedah dan Ustaz Mohd Firdaus Mat Akhir, Pengerusi merangkap Imam Masjid Al Busyra serta wakil-wakil agensi kerajaan dan swasta. Program yang berlangsung selama sehari ini dimulai dengan aktiviti *Fun Run* di ikuti dengan sesi perkongsian ilmu oleh Indah Water Konsortium (IWK) dan Jabatan Pertanian Negeri Kedah. Pada masa yang sama, DOSM Kedah turut mewar-warkan pelaksanaan Banci Pertanian yang akan dilaksanakan pada tahun hadapan. Pada sebelah malam pula, diadakan aktiviti Merbok Berselawat.

Penganjuran program ini turut bertujuan untuk memperkejatkan peranan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sebagai agensi utama peneraju dalam membekalkan statistik rasmi negara serta memberikan pendedahan dan meningkatkan literasi statistik kepada masyarakat setempat.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik lain turut diadakan semasa program ini iaitu pameran daripada agensi kerajaan dan swasta, *Food Bazaar*, *Jualan Rahmah*, aktiviti memanah dan berkuda, *Treasure Hunt* dan pertandingan mewarna.

Bersempena dengan sambutan Hari Statistik Negara (HSN), DOSM Kedah telah menyusun pelbagai program dan aktiviti sepanjang bulan Oktober iaitu aktiviti mendaki di *Darul Aman Hill*; pameran DOSM Kedah di lobi Wisma Persekutuan Anak Bukit, UTC Sungai Petani dan Kompleks Tanjung Lembung, Langkawi; pertandingan futsal dan bola jaring; aktiviti *plogging* di sekitar Taman Lagenda Langkawi dan program Literasi Statistik bersama warga Pusat Pengajian Sains Kuantitatif, Universiti Utara Malaysia (UUM).

Di samping itu, DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongisan data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Perangkaan Malaysia
Negeri Kedah
5 November 2023